

Artikel Asli

Pemanfaatan Al-Qur'an dan Hadith Dalam Novel *Ketika Cinta Bertasbih* Karya Habiburrahman El-Shirazy

Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi¹

¹ Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia

Progres Artikel

Diterima: 22 Jun 2016

Disemak: 30 Jun 2016

Diterbit : 30 Jun 2016

*Corresponding Author: Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi, Jabatan Pengajian Arab & Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, UKM Bangi, Selangor
Email:
gamwer_994@yahoo.com.my

Abstrak: Ketika Cinta Bertasbih's novel that's wrote by Habiburrahman El-Shirazy is a leading Islamic pop novel in Indonesia and also received very encouraging enthusiasts in Malaysia. This is caused by the morality practice and responsibility values those applied by author when it produces the novel by focusing on the utilization of the Qur'an and Hadith as an important principle to the formation of Islamic tasawur. Indeed, this paper aims to study and analyze the utilization of the Qur'an and Hadith conducted by the author of the novel Ketika Cinta Bertasbih. This study used their forms by applying content analysis approach and used analysis of documents as data collection and textual analysis as analyzing textual method. The results of this study have shown Habiburrahman as the author of this novel has been utilizing the highest sources of Islam ie the Qur'an and Hadith through the utilization of fiction and maintain the sanctity of the nature both of the highest sources.

Keywords: *Islamic literature, Ketika Cinta Bertasbih, expansion, Habiburrahman El-Shirazy*

Abstrak: Novel Ketika Cinta Bertasbih karya Habiburrahman El-Shirazy merupakan novel pop Islami yang terkemuka di Indonesia dan juga mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada peminat-peminat di Malaysia. Hal ini disebabkan oleh pengamalan moraliti dan nilai-nilai ketanggung jawaban yang diaplikasikan oleh pengkarya ketika menghasilkan novel ini dengan menitik beratkan pemanfaatan Al-Qur'an dan Hadith sebagai asas penting kepada pembentukan tasawur Islami yang syumul. Justeru, makalah ini bertujuan untuk merungkai dan menganalisis pemanfaatan Al-Qur'an dan Hadith yang dilakukan oleh pengarang dalam novel Ketika Cinta Bertasbih. Kajian ini menggunakan reka bentuk analisis kandungan dengan mengaplikasikan pendekatan analisis dokumen sebagai kaedah pengumpulan data dan analisis tekstual sebagai kaedah penganalisisan data. Hasil kajian ini telah memperlihatkan Habiburrahman selaku pengarang novel ini telah memanfaatkan sumber tertinggi Islam iaitu Al-Qur'an dan Hadith melalui pemanfaatan rangka fiksyen yang berhemah dan menjaga hakikat kesucian kedua-dua sumber tertinggi tersebut.

Kata Kunci: *sastera Islam, Ketika Cinta Bertasbih, pemanfaatan, Habiburrahman El-Shirazy*

Pengenalan

Menurut pandangan Islam, apa jua bidang khususnya yang berkaitan dengan keilmuan tidak terkeluar daripada falsafah tauhid Islam. Ilmu pada dasarnya ialah segala maklumat yang benar yang didapati secara sistematis menurut perkaedahan ilmu dan segala bidang ilmu yang membuktikan kepada kebenaran pasti akan mengarah kepada keesaan Allah termasuklah bidang perundangan, sains, teologi, perubatan mahupun sastera (Shafie 1995:52). Ini termasuklah dalam bidang kesusasteraan yang berteraskan Islam dimana asasnya ialah Al-Qur'an. Kedatangan Al-Qur'an kepada penyair-penyair Arab Jahiliyah ketika itu membawa suatu bentuk baru yang belum pernah ditemui dimana Al-Qur'an itu seolah-olah seperti syair tetapi tidak berbentuk syair dan kadang-kadang seperti prosa tetapi tidak seperti sastera prosa. Oleh sebab itu, masyarakat Arab Jahiliyah menuduh Nabi Muhammad sebagai kahin dan Al-Qur'an itu sebagai mentera kahin (Mana Sikana 1983:10-11).

Masyarakat Arab Jahiliyah menentang kebenaran risalah yang dibawa oleh Nabi Muhammad tetapi dari suatu sudut mereka tidak dapat menolak kekaguman terhadap keistimewaan yang dimiliki oleh Al-Qur'an. Mereka menganggap ia sebagai sebuah hasil sastera yang tidak ada tolok bandingnya serta sebuah mahakarya yang tertinggi. Sememangnya Allah sendiri menjadikan Al-Qur'an itu sebagai mukjizat kepada Nabi Muhammad yang menjadi tanda kebenaran dakwah yang dibawa oleh baginda ke atas umatnya. Ini diperkuatkan pula dengan kandungan Al-Qur'an yang berpaksikan kepada soal ketuhanan dan pegangan akidah yang benar kerana bertujuan untuk menyeru masyarakat Arab ketika itu meninggalkan penyembahan berhala dan mengikut ajaran Islam yang sebenar (Mana Sikana 1983:12-13).

Asas ketauhidan dan pegangan akidah yang benar adalah merupakan intipati dan teras kepada Al-Qur'an. Secara tidak langsung, ia merupakan jambatan asas kepada konsep sastera Islami untuk bertapak kembali setelah sekian lama dikelilingi oleh fahaman-fahaman dan teori sastera yang berbentuk sekular. Merujuk kepada Malaysia, dalam dua dekad pertama sejak 1960-an, kita masih disuakan dengan teori-teori Barat yang bersifat sekular seperti mimetik, sosiologikal, ekspresif dan pragmatik. Hanya pada dekad terakhir muncul teori-teori Barat yang bersifat moden seperti psikoanalisis, mitos, formalistik, marxisme, struktural dan pasca-moden seperti dekonstruksi, semiotik, fenomenologi serta intertekstualiti. Kesan daripada teori-teori Barat ini memungkinkan berlakunya penyelewengan dalam kerangka penceritaan seperti yang berlaku kepada

Macdonald yang membandingkan Nabi Allah Yusuf di dalam Al-Qur'an dengan watak Joseph di dalam Bible walhal ternyata Al-Qur'an bukan kata-kata yang lahir dari imaginasi Nabi Muhammad yang mana berbeza dengan Bible yang terbukti adalah sebuah kitab yang telah diubah oleh tangan manusia. Hal yang sama berlaku kepada Salman Rushdie melalui karyanya *The Satanic Verses* yang diangkat oleh Barat namun hakikatnya ia tersasar jauh daripada akidah dan pegangan yang benar serta dipenuhi dengan unsur-unsur karikatur, satira, komedi, jenaka dan unsur-unsur lain yang rendah nilai moralnya (Ali et al.2007:32-36).

Justeru gesaan Shahnon (1981:3) agar kembali kepada pemurnian konsep sastera Islami iaitu bersastera kerana Allah adalah tepat kerana dalam beribadah pokok pangkalnya wajib bertolak dari tauhid iaitu keyakinan seluruh jiwa raga tentang keesaan dan ketunggalan Allah. Dan ungkapan 'kerana Allah' cukup erat kerana bila bersastera kerana Allah dengan sendirinya kita yakin bahawa setiap yang diperintah oleh Allah adalah untuk kesejahteraan dan kebahagiaan hidup manusia. Oleh yang demikian, dalam bersastera tidak boleh menyimpang daripada konsep cara hidup Islam kerana sastera adalah satu cabang daripada kehidupan itu sendiri dan merupakan alat kepada manusia memainkan peranan sebagai khalifah di muka bumi. Pendek kata hasil karya sastera dari seorang sasterawan Muslim yang baik pada realitinya adalah hasil perlaksanaan ibadah dan penunaian tugas khalifah melalui sastera yang menyeru manusia mengikuti jalan yang benar dan menyimpang dari jalan yang sesat dan ini menggambarkan pemurnian dalam kerangka tauhid yang ingin dicernakan melalui konsep sastera Islami. Semestinya untuk seseorang sasterawan melaksanakan ibadah dan menunaikan tugas khalifah ini perlu bertitik tolak dari tiga rantaian asas yang paling pokok dalam Islam iaitu akidah, syariat dan akhlak dalam memahamkan masyarakat mengenai idea sastera yang bercirikan Islam secara jelas dan nyata (Shahnon 1981:43-44).

Melalui rantaian ini, peranan para sasterawan dan pengkarya muslim akan menjadi lebih tersusun dan dipandu dengan garis panduan yang telah diberikan. Ini menjadikan mereka sebagai golongan yang memikul amanah Allah dalam berdakwah kepada masyarakat melalui mata pena dan bertepatan dengan konsep 'manusia sebagai khalifah' yang dianjurkan oleh Mohd Affandi Hassan menerusi gagasan Persuratan Baru beliau. Konsep ini merupakan asas yang paling utama terhadap tujuan kejadian manusia di muka bumi ini. Apabila pengkarya itu memahami tujuan dia diciptakan oleh Allah, dia akan bertindak sebagai khalifah ataupun orang yang dipertanggungjawabkan untuk memakmurkan bumi ini dengan peranan dan tugas yang tertentu. Bagi konteks sasterawan, peranannya

sudah semestinya menghasilkan karya-karya yang mampu membawa masyarakat untuk mengenal Allah dan beribadat kepada-Nya dengan seikhlas mungkin. Dan tanggungjawab dalam menghasilkan karya-karya ini bergantung kepada etika, akhlak dan rasa amanah dalam diri pengarang sama ada berlaku pemanfaatan ataupun penyelewengan yang disengajakan dalam karya yang dihasilkan.

Berdasarkan faktor di atas, kewajaran mengenai pemanfaatan yang dilakukan oleh pengarang novel *Ketika Cinta Bertasbih* iaitu Habiburrahman El-Shirazy melalui sandaran kepada Al-Qur'an dan Hadith akan diteliti dalam perbahasan makalah ini sama ada memperakukannya ataupun mempunyai unsur manipulasi dan penyelewengan. Terdapat tiga sub topik utama yang diketengahkan dalam makalah ini iaitu pertama berkenaan pemanfaatan Al-Qur'an dan Hadith sebagai satu kerangka analisis. Kedua, analisis secara langsung berkenaan pemanfaatan Al-Qur'an dalam novel Ketika Cinta Bertasbih. Ketiga, analisis diteruskan dengan meninjau secara terperinci pemanfaatan Hadith yang dilakukan oleh pengarang dalam novel ini serta yang terakhir penutup. Berkenaan dengan analisis, ia penting bagi melihat sejauh mana etika pengarang novel iaitu Habiburrahman El-Shirazy dalam memanfaatkan kedua-dua sumber autoriti tertinggi Islam ini dalam karya beliau sama ada secara komprehensif ataupun mengkesampingkannya.

Pemanfaatan Al-Qur'an dan Hadith: Satu Kerangka Analisis

Perbincangan pada bab ini akan menyentuh mengenai pemanfaatan sebagai satu konsep filosofikal yang mendasari kajian ini secara menyeluruh. Maksud pemanfaatan menurut Kamus Dewan ialah perihal atau perbuatan memanfaatkan dan kata akarnya ialah manfaat yang membawa maksud guna, faedah, untung atau laba (Kamus Dewan 2005:992-993). Secara umumnya, pemanfaatan boleh dertiikan dan difahami sebagai satu perbuatan yang mendatangkan faedah dan kebaikan kepada si pelaku dan orang lain secara amnya. Islam secara asasnya merupakan agama yang sangat mementingkan manfaat ataupun faedah kepada para pengarunya. Ini dibuktikan dengan perutusan Nabi Muhammad S.A.W kepada umatnya pada akhir zaman sebagai pembimbing ke arah mentauhidkan Allah S.W.T serta mengeluarkan mereka daripada kesesatan sekaligus ini merupakan manfaat yang paling terbesar dikecapi oleh manusia dan tiada manfaat yang lebih bernilai melainkan manfaat menjadi pengikut Islam yang sebenar.

Di samping itu, apabila dinilai konsep manfaat terutamanya yang berkaitan dengan hubungan sesama manusia, ia dapat dikaitkan secara langsung dengan

sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud, "Sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat bagi manusia yang lain". Hadith ini memberi pengertian bahawa manusia yang terbaik adalah manusia yang dapat memberi kebaikan kepada manusia yang lain tidak kira dalam apa jua aspek dan keadaan serta tidak pula mendatangkan kesusahan dan kemudaratian. Seseorang muslim yang berakhlak mulia pada dasarnya selalu berusaha untuk memberikan manfaat kepada orang lain seperti memberikan bantuan kewangan kepada yang memerlukan, memberi nasihat, mengajarkan sesuatu ilmu yang berguna kepada orang lain dan lain-lain lagi. Ini dapat dicontoh dengan keperibadian agung pada diri Rasulullah S.A.W yang banyak memberikan manfaat dan kebaikan kepada orang lain walaupun berlainan agama dan kepercayaan bahkan baginda tidak pernah menyakiti dan memusuhi sesiapa.

Selain itu, Islam juga sangat menitikberatkan konsep manfaat dalam urusan sehari-hari manusia. Seperti contoh dalam aspek pengurusan masa, Islam menganjurkan pengaruhnya agar sentiasa memanfaatkan masa yang ada dengan aktiviti yang berfaedah dan menghindari daripada melakukan perbuatan yang sia-sia. Ini selaras dengan firman Allah dalam surah Al-'Asr (103:1-3) yang menekankan mengenai kepentingan masa agar ia diisi dengan perkara-perkara yang mendatangkan manfaat dan kebaikan agar manusia tidak berada dalam keadaan yang rugi. Begitu juga dengan urusan jual beli yang dituntut oleh syariat Islam agar menjual barang yang tidak mempunyai kerosakan ataupun cacat agar manfaat barang itu dapat digunakan oleh pembeli dengan sebaiknya.

Jelas di sini pendirian Islam terhadap konsep pemanfaatan yang meliputi sebahagian aktiviti manusia dalam kehidupan dan begitu juga dengan wadah penulisan sastera. Apabila diaplikasikan konsep pemanfaatan yang dikehendaki oleh Islam dalam wadah ini, secara tidak langsung ia menerima perkara-perkara yang mendatangkan faedah dan menolak sebarang bentuk yang boleh mendatangkan kemudaratian kepada orang lain. Antara contoh pemanfaatan yang boleh difahami dalam konteks penulisan sastera ialah bagaimana metodologi pengkaryaan oleh penulis yang mampu membawa pembaca mengenali dengan lebih dekat lagi terhadap kebesaran Allah. Keadaan sebaliknya akan berlaku sekiranya tiada pemanfaatan dalam penulisan maka akan lahirlah karya-karya yang merendah-rendahkan Islam seperti penghinaan terhadap Al-Qur'an, Hadith dan juga sirah Rasulullah S.A.W. Implikasinya terhadap golongan pembaca dikhuatiri akan mempengaruhi mereka terhadap pegangan

Islam dan terdedah kepada murtad iaitu keluar daripada Islam.

Maka amat perlu di sini konsep pemanfaatan dilihat secara serius oleh pengarang dalam menggembungkan rangka pengkaryaan agar sesuatu yang positif dan mendatangkan kebaikan dapat dihasilkan untuk khalayak. Ini penting kerana dengan memahami konsep ini secara mendalam, ia akan memandu pengarang terhadap pemurnian hasil karya yang bertepatan dengan fundamental akidah, syariat dan akhlak. Rentetan dengan ini, kajian mengenai pemanfaatan ini menggunakan batasan-batasan tertentu iaitu batasan kebenaran dan batasan kewajaran. Batasan kebenaran diasaskan pada asas-asas kebolehterimaan yang teguh seperti nilai agama dan kepercayaan, manakala batasan kewajaran diasaskan pada asas-asas kebolehterimaan yang relatifnya lebih longgar seperti nilai individu dan nilai sosial (Zulkarnain 2011:85).

Apabila melihat kepada fundamental Islami seperti akidah Islamiah, ia masih relevan dengan persoalan asas kepada pemanfaatan ini iaitu batasan kebenaran dan kewajaran. Ini kerana akidah Islamiah menjadi nilai tara yang penting kerana ia dibina pada dalil-dalil Al-Qur'an dan Hadith yang jelas di samping perintah dan cabaran dalil tersebut terhadap akal untuk memperakukannya melalui pengamatan alam semesta. Begitu juga dengan syariat dan akhlak Islamiah juga dibina pada asas dalil dan perbahasan ulama yang teguh sehingga dapat menyanggah dan menyihirkan pandangan minoriti seperti fahaman Muktazilah dan Baha'i yang tidak sesuai dengan asas tersebut (Zulkarnain 2011:86-87). Ini yang menjadikan pemanfaatan terhadap sesuatu karya itu diukur melalui batasan kebenaran yang telah ditetapkan oleh fundamental akidah, syariat mahupun akhlak. Dalam fundamental akidah sebagai contoh, perakuan terhadap Allah S.W.T sebagai Tuhan yang menjadikan alam ini jelas sebagaimana yang sudah termaktub dalam Al-Qur'an. Justeru sebarang keterangan dalam karya yang menidakkann kebenaran ini sekaligus telah dianggap terkeluar dalam batasan kebenaran dan juga konteks pemanfaatan. Begitu juga dengan fundamental syariat, pemanfaatan akan berlaku sekiranya pengarang menggunakan fakta dalam rangka fiksyen yang tidak bersalah dengan hukum yang telah digariskan oleh Islam secara keseluruhannya dan bagi fundamental akhlak, pemanfaatan melihat kepada batas kewajaran yang menerima nilai-nilai yang baik daripada sudut pandang manusia secara umumnya. Ini boleh dilihat seperti perbuatan tolong-menolong yang sangat dituntut dalam Islam serta agama dan kepercayaan yang lain. Ia lebih bersifat relatif dan merentas sempadan antara agama apabila perbuatan yang mulia seperti tolong-menolong bukan sahaja dituntut dalam

Islam malahan agama yang lain juga menuntut penganutnya supaya memiliki sifat yang mulia ini. Ini berbeza dengan fundamental akidah yang menetapkan penamaannya seperti Allah S.W.T, Al-Qur'an dan yang lain dengan bersifat mutlak dan tidak boleh diubah. Hakikat yang perlu diakui ia hanya tetap di atas nilai kebenaran dan tidak boleh terkeluar sama sekali daripada batasannya. Dengan pembuktian pemanfaatan sebagai konsep utama yang mendasari kekuatan sesebuah karya Islami, maka akan lahirlah refleksi kepada hasil karya itu yang dinamakan sebagai pendekatan taklif. Pendekatan taklif menggambarkan ketanggungjawaban dan konsistensi seseorang pengarang dalam menghasilkan karyanya yang mengikut garis panduan Islam dengan sepenuhnya. Dengan menggunakan pemanfaatan yang berpegang atas batasan kebenaran dan kewajaran dalam karya, secara tidak langsung pengarang itu telah menghayati pendekatan taklif dalam usaha mewujudkan sebuah karya yang berteraskan Islam.

Menyentuh mengenai sumber autoriti tertinggi dalam Islam iaitu Al-Qur'an, ia merupakan kitab suci dan sumber perlembagaan Islam pertama yang wajib kita beriman dengannya sebagai rukun iman yang keempat. Selain beriman dengan kitab-kitab lain yang diturunkan kepada nabi-nabi terdahulu seperti kitab Taurat untuk Nabi Musa, kitab Zabur untuk Nabi Daud, kitab Injil untuk Nabi Isa, kitab Al-Qur'an merupakan kalam Allah dan mukjizat yang membuktikan bahawa Rasulullah S.A.W merupakan utusan Allah yang terakhir. Sebagai mukjizat agung daripada Allah, ia terpelihara daripada sebarang bentuk pengubabsuaian mahupun penyelewengan dan isi kandungannya tetap relevan diamalkan dari dulu hingga sekarang. Ini berbeza dengan kitab Injil yang telah diseleweng kandungannya dan berbeza dengan kandungan asal kitab ini. Firman Allah dalam surah Al-Hijr (15:9) yang bermaksud "Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Qur'an dan Kamilah yang melihara dan menjaganya".

Dalam konteks pemanfaatan Al-Qur'an dalam karya sastera, sebarang ayat ataupun terjemahan maksud yang diambil mestilah sama dengan kandungan Al-Qur'an dan tiada unsur-unsur pengubabsuaian melainkan yang dibenarkan. Merujuk kepada pengubabsuaian yang dibenarkan, terdapat sebuah bahagian dalam ilmu Balaghah dalam pecahan ilmu *Badi'* yang membicarakan mengenai konsep Iqtibas iaitu merupakan percakapan atau ayat yang mengandungi sesuatu yang diambil daripada Al-Qur'an atau Hadith tanpa menyebutkan sumbernya. Pengubabsuaian dalam bentuk Iqtibas adalah dibenarkan untuk mengindahkan penulisan atau percakapan dan bukan bermaksud untuk merendah-rendahkan Al-Qur'an. Manakala dari aspek

peminjaman ayat atau terjemahan maksud Al-Qur'an, ia mestilah selari dengan konteks rangka fiksyen dan makna rangka yang dibawa oleh pengarang dalam karya tersebut dan tidak membawa kepada merendah-rendahkan dan mempersendakan Al-Qur'an. Pemanfaatan Al-Qur'an mestilah dihadirkan dalam bentuk memuliakan dan mengagungkan kalam Allah ini dalam bentuk pemanfaatan yang beretika iaitu dengan melihat fundamental ini yang tidak membawa kepada merendah dan mempersendakan sama ada secara sengaja ataupun tidak.

Seterusnya, sumber autoriti Islam kedua yang wajib diimani ialah beriman dengan apa yang dibawa oleh Rasul. Antara rasul yang wajib diyakini akan perutusannya ke alam ini ialah Nabi Muhammad S.A.W dan aspek penting yang dibawa oleh baginda ialah Hadith. Hadith merupakan perkataan, perbuatan, ketetapan dan persetujuan dari Nabi Muhammad S.A.W yang dijadikan ketetapan ataupun hukum dalam syariat Islam. Pemanfaatan yang beretika terhadap Hadith Rasulullah S.A.W juga dianggap sebagai beriman kepada rasul yang merupakan rukun iman ketiga yang wajib diimani. Dalam konteks pemanfaatan terhadap Hadith Rasulullah S.A.W, sebarang Hadith baginda yang diambil dan diletakkan dalam karya mestilah selari dan selaras dengan rangka ayat dan tidak bersalahan dengan makna yang didatangkan terdahulu dan terkemudian daripada Hadith. Selain itu, konteks pemanfaatan juga meliputi terhadap aspek pengambilan Hadith-Hadith ke dalam karya daripada sanad yang sampai kepada Rasulullah S.A.W dan taraf diyakini akan kesahihannya. Justeru itu, sebarang pemanfaatan terhadap Hadith baginda yang terkeluar daripada konteks rangka fiksyen dan pengambilan Hadith yang dipinjamkan ke dalam karya yang bertaraf palsu dan lemah dianggap telah terkeluar daripada pemanfaatan yang dibenarkan.

Analisis Pemanfaatan Al-Qur'an Dalam Novel *Ketika Cinta Bertasbih*

Perbahasan pada bahagian ini akan melihat secara dekat mengenai aspek pemanfaatan Al-Qur'an sebagai sumber rujukan utama dalam karya. Apabila berbicara mengenai Al-Qur'an, ia adalah kalamullah iaitu firman Allah S.W.T yang Maha Agung dan bukan kata-kata yang datang daripada manusia, jin mahupun malaikat. Al-Qur'an merupakan mukjizat yang terbesar yang diberikan oleh Allah kepada Nabi Muhammad untuk membuktikan kebenaran perutusan baginda sebagai utusan Allah dan juga merupakan perlembagaan utama yang menjadi rujukan serta panduan manusia di muka bumi.

Bersesuaian dengan kedudukannya sebagai wahyu yang mulia di sisi Allah, sewajarnya ia

diletakkan pada kedudukan yang diiktiraf dan terpuji bukan diseleweng atau dimanfaat mengikut citarasa manusia. Ia menuntut kepada satu penghormatan apabila dikaji dan dikembangkan dan penghormatan bukan sahaja lahir daripada pengiktirafan tetapi juga mestilah disertai dengan pengaplikasian (Zulkarnain 2010:97). Pengaplikasian merujuk kepada konteks pemanfaatan yang dibenarkan dalam ruang lingkup yang tertentu dan bukan mengikut hawa nafsu semata-mata.

Beralih kepada aspek pemanfaatan Al-Qur'an sepetimana yang telah dijelaskan dalam bahagian konteks pemanfaatan Al-Qur'an pada bab yang kedua, terdapat dua aspek yang menjadi ukuran kepada pengarang dalam memanfaatkan sumber ilmu yang tertinggi dalam Islam iaitu Al-Qur'an. Aspek pertama ialah pengubahsuaian yang dibenarkan dalam erti kata bertujuan untuk memperindahkan lagi struktur ayat dalam sesuatu karya dan bukan untuk mempersendakan atau menghina Al-Qur'an. Pengubahsuaian ini diambil daripada Al-Qur'an secara terus tanpa menyatakan bahawa diambil dari mana-mana surah dalam Al-Qur'an. Pengubahsuaian ini dinamakan sebagai Iqtibas yang merupakan sebahagian daripada gaya bahasa yang diterapkan dalam ilmu *Badi'* yang merupakan antara pecahan ilmu yang terdapat dalam ilmu retorika arab ataupun disebut sebagai Balaghah.

Aspek yang kedua pula ialah setiap petikan daripada ayat Al-Qur'an ataupun terjemahannya mestilah selari dengan konteks ayat di dalam karya yang dibawa oleh pengarang. Maksud selari ialah bertepatan dengan mesej yang dibawa oleh pengarang, tidak terkeluar dalam konteks makna yang asal serta tidak membawa kepada merendah-rendahkan kalamullah. Keprihatinan pengarang terhadap kedua-dua aspek dalam konteks pemanfaatan Al-Qur'an ini akan menidakkan berlakunya sebarang penyelewengan yang disengajakan atau tidak disengajakan dan meletakkan status Al-Qur'an di tempat yang tertinggi sebagai sumber rujukan ilmu yang utama.

Merujuk kepada aspek pemanfaatan Al-Qur'an yang pertama iaitu berkait dengan konsep Iqtibas yang merupakan pengubahsuaian yang dibenarkan di dalam karya, pengarang novel ini iaitu Habiburrahman secara jelas telah mengaplikasikan konsep ini di dalam novel beliau. Ia dapat dilihat dengan pengambilan terus ayat Al-Qur'an daripada surah Al-Baqarah (2:127) dan diletakkan ke dalam karya. Habiburrahman (2011:118) secara jelas menuatkannya di dalam teks seperti berikut:

Ia melangkah. Matanya basah : “ *Rabbana taqabbal minna innaka antas sami'ul 'aliim.* Tuhan terimalah amal kami, sesungguhnya Engku Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.” Lirihnya dalam hati, sambil menghayati dengan

sepenuh jiwa bahawa tiada prestasi yang lebih baik tinggi dan diterimanya amal soleh oleh Allah dan dibalas dengan keredhaanNya.

Melihat kepada kutipan dalam teks di atas, pengarang telah mengambil sebahagian daripada ayat Al-Qur'an pada surah Al-Baqarah (2:127) iaitu "*Rabbana taqabbal minna innaka antas sami' ul 'aliim*". Beliau telah meletakkan potongan ayat ini ke dalam karyanya bagi menggambarkan perasaan Anna Althafunisa' yang begitu gembira dan terharu dengan perkhabaran bahawa kertas cadangan penyelidikan untuk sarjananya telah diterima oleh Professor Amani. Lantas beliau terus berajut doa kepada Allah memohon agar diterima segala amal perbuatannya dan digolongkan dalam amal yang soleh. Merujuk kepada ayat Al-Qur'an yang dipinjamkan ke dalam karya sebelum ini, ia merupakan gaya bahasa Iqtibas iaitu mengubahsuai sebahagian ayat daripada Al-Qur'an untuk dimasukkan ke dalam karya dengan tujuan untuk memperindahkan lagi karya dari aspek struktur dan makna. Jelas di sini bahawa pengarang telah menggunakan gaya bahasa ini untuk tujuan memperindahkan lagi karyanya dan bukan untuk menyelewengkan ayat Al-Qur'an bagi tujuan yang tidak berakhlik. Ayat Al-Qur'an yang bermaksud:

Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim bersama-sama Nabi Ismail meninggikan binaan asas-asas (tapak) Baitullah (Ka'bah) itu, sambil keduana berdoa dengan berkata : " Wahai Tuhan kami! Terimalah daripada kami (amal kami), sesungguhnya Engkau lah yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (2:127)

Bagi pemanfaatan Al-Qur'an untuk konsep Iqtibas ini, antara babak lain yang diperlihatkan oleh pengarang adalah pada bahagian ketika Mala, adik kepada Fadhil menelefonnya untuk bertanya khabar dan bertanyakan urusan mengenai persediaan untuk menghadapi peperiksaan yang bakal tiba tidak lama lagi. Kutipan dalam teks seperti berikut :

Fadhil meletakkan gagang telefon. Telinganya masih penuh dengan kata-kata adiknya tentang Tiara: " *Namun entah kenapa Kak Tiara sepertinya murung saja bang. Nampaknya ia kecewa pada abang. Mala tahu bahawa Kak Tiara itu memang sungguh-sungguh menaruh hati pada abang.*"

" Astaghfirullah, aku telah menyakiti orang lain dan menyakiti diriku sendiri. *Rabbana zhalamna anfusana wa in lan taghfir lana wa tarhamna lanakuunanna minal khasiriin.*" Rintih Fadhil dalam hati.

(Habiburrahman 2011:336)

Merujuk kepada teks di atas, pengarang secara jelas telah mengambil potongan daripada ayat Al-Qur'an pada surah Al-A'raaf (7:23) iaitu "*Rabbana zhalamna anfusana wa in lan taghfir lana wa tarhamna lanakuunanna minal khasiriin*". Ini adalah bagi menggambarkan keadaan Fadhil yang merintih kepada dirinya sendiri terhadap apa yang telah dilakukannya kepada Tiara dengan menolak permintaan Tiara bagi mengahwininya. Ini terjadi kerana Fadhil ingin memberi laluan kepada sahabat baiknya, Zulkifli yang terlebih dahulu melamar Tiara meskipun dia menaruh perasaan cinta yang menebal kepada Tiara semenjak di pesantren lagi. Dan selepas menerima panggilan daripada adiknya, perasaan bersalahnya kepada Tiara semakin memuncak kerana telah menolak cinta Tiara kepadanya. Fadhil menyalahi dirinya sendiri dengan nada merintih kepada Allah sambil memohon doa kepada-Nya agar mengampunkan dan memberi kerahmatan kepadanya. Jelas di sini bahawa pengarang telah memanfaatkan konsep Iqtibas pada ayat Al-Qur'an yang telah dipinjamkan ke dalam karya beliau dengan menyesuaikan ayat ini dengan berhemah dan tidak menyeleweng. Ayat Al-Qur'an yang bermaksud:

Mereka berdua merayu: " Wahai Tuhan kami, kami telah menganiaya diri kami sendiri, dan kalau Engkau tidak mengampunkan kami dan memberi rahmat kepada kami, nescaya menjadilah kami dari orang-orang yang rugi". (7:23)

Menyentuh pemanfaatan Al-Qur'an bagi aspek yang kedua, Habiburrahman (2011:8) secara jelas telah meminjam beberapa ayat Al-Qur'an yang menyentuh mengenai Tauhid Rububiyyah dan memanfaatkannya ke dalam karya untuk disesuaikan mengikut rangka fiksyen. Ini jelas pada permulaan cerita pada bab pertama yang menceritakan konsep tauhid ini antaranya ketika Azzam sedang duduk berehat di anjung bilik hotelnya selepas tugasannya bersama pihak kedutaan Indonesia selesai. Pada saat itu, Azzam bertafakur sendirian memerhatikan kebesaran ciptaan Allah yang menjadikan laut sebagai tempat bagi manusia bermusafir dan pengarang telah memanfaatkan ayat Al-Qur'an daripada surah Luqman (31:31) melalui terjemahan ayat bagi menggambarkan kebesaran-Nya dalam memperjalankan kapal-kapal di lautan dengan selamat dan tanpa gangguan.

Antara pemanfaatan yang lain ketika mana Azzam bermonolog pada dirinya sendiri dengan menyatakan bahawa hanya Allah sahaja yang mencipta alam semesta ini dan tidak ada Tuhan yang selayaknya melainkan-Nya. Dengan yang demikian, Habiburrahman (2011:11-12) telah memanfaatkan ayat Al-Qur'an daripada surah Al-Anbiya' (21:22) melalui terjemahan ayat bagi merasionalkan rangka fiksyen di

dalam karya. Selain itu, pada pengakhiran penceritaan yang dirangka oleh pengarang bagi penonjolkan konsep rububiyyah Allah, jelas telah dimanfaatkan ayat Al-Qur'an daripada surah Luqman (31:29) bagi memperlihatkan keagungan Allah dalam mengatur perjalanan alam ini seperti pertukaran siang dan malam serta peredaran matahari dan bulan yang beredar mengikut aturan yang telah ditetapkan oleh-Nya.

Selanjutnya pada pemanfaatan yang lain ialah ketika mana Azzam hendak bergegas keluar dari biliknya menuju ke masjid untuk menunaikan solat lalu telefon di biliknya berdering namun tidak diendahkannya kerana baginya seruan azan yang terlebih dahulu memanggilnya berbandingan dering telefon itu. Baginya, urusan yang mendatangkan kebahagiaan di akhirat perlu didahulukan daripada urusan keduniaan dan pengarang telah meminjam ayat Al-Qur'an daripada surah Al-A'laa (87:17) untuk menguatkan lagi kebenaran yang ingin ditonjolkan oleh beliau mengenai kepentingan mendahulukan solat.

Pemanfaatan seterusnya daripada pengarang ialah ketika mana Azzam sedang menunaikan solat Subuh di masjid. Beliau larut dalam penghayatan terhadap surah yang dibaca oleh imam iaitu surah Al-Najm. Habiburrahman (2011:43-45) jelas memanfaatkan ayat Al-Qur'an melalui surah Al-Najm daripada ayat 1 hingga 16 dan ayat 31 bagi menguatkan rangka fiksyen pada babak ini yang menceritakan intipati surah ini secara terperinci antaranya berkisar mengenai perkara-perkara yang telah disaksikan Baginda S.A.W pada malam berlakunya peristiwa Isra' dan Mi'raj yang membuktikan keluasan pemerintahan dan kekuasaan Allah.

Antara pemanfaatan Al-Qur'an lain yang cuba diketengahkan pengarang ialah ketika mana Azzam bermimpi bertemu dengan ibunya. Dalam mimpi itu, turut bersama ibunya adalah tujuh orang gadis iaitu Cut Mala, Erna, Masyithah, Cut Rika, Hilda, Laila dan seorang yang berfurrah iaitu Anna Althaunnisa'. Keadaan Anna yang siap berfurrah itu membuatkan Azzam ingin melihat raut wajahnya yang selama ini menjadi bualan hangat di kalangan mahasiswa Indonesia kerana kepintaran dan kecerdasan akalnya. Namun begitu Azzam tersedar daripada lamunan mimpi itu dan terus melakukan solat tahajud dan berdoa kepada Allah agar dikurniakan isteri daripada tujuh orang gadis dalam mimpi itu. Habiburrahman (2011:312) dalam karyanya telah memanfaatkan ayat Al-Qur'an daripada surah Al-Isra' (17:79) sebagai hujah sokongan bagi menjelaskan ketinggian dan kepentingan solat tahajud ataupun berjaga pada sepertiga malam sebagai satu ibadat tambahan bagi Allah mengangkat darjah hamba-hamba-Nya ke tempat yang terpuji.

Habiburrahman (2011:356-357) seterusnya telah memanfaatkan sebahagian ayat Al-Qur'an daripada surah Saba' (34:26) iaitu pada potongan terakhir ayat 26 ini yang bermaksud "Dan Dialah jua Hakim yang seadil-adilnya, lagi Yang Maha Mengetahui segala-galanya". Potongan terjemahan ini adalah bertujuan untuk disesuaikan dengan rangka fiksyen yang terdapat pada babak ketika Kolonel Fuad bertemu dengan Furqan setelah penyiasatan yang dilakukan beliau terhadap identiti pengenalan Miss Italiana telah selesai. Berdasarkan penyiasatan yang dilakukannya, beliau menyatakan bahawa Miss Italiana adalah seorang pelacur professional dan juga merupakan agen perisikan Israel iaitu MOSSAD. Miss Italiana juga adalah penghidap AIDS dan ramai yang telah menjadi korban penyakitnya itu. Perkhabaran berita daripada Kolonel Fuad membuatkan Furqan menjadi gelisah takut-takut dia juga akan dijangkiti penyakit berbahaya itu. Ketika itu juga Furqan merasakan dirinya seolah-olah kerdil dan hina di sisi Allah dan dia baru menyedari bahawa manusia tidak dapat menentukan takdir baik ataupun buruk dalam kehidupan bahkan hanya Allah sahajalah yang berkuasa ke atas takdir setiap makhluk-Nya. Adapun pada makhluk itu diberikan kebebasan dan pilihan untuk berikhtiar dan berusaha sahaja.

Pemanfaatan Al-Qur'an yang terakhir dalam novel ini ialah pada saat Furqan sedang menunggu keputusan ujian darah yang bakal diketahuinya sama ada dia dijangkiti virus HIV ataupun tidak. Ketika itu Furqan merenung nasibnya sendiri andai kata disahkan dijangkiti virus berbahaya itu bagaimanakah penerimaan orang-orang tersayang yang berada di sekelilingnya. Bagaimanakah perasaan ibu dan bapanya apabila mngetahui dia menghidap virus itu dan adakah Anna sudi menerima sebagai suami. Segala kemungkinan bermain di fikiran Furqan yang menyebabkan dia berasa hanya Allah sahajalah yang boleh menyelamatkannya daripada dijangkiti virus itu. Habiburrahman (2011:366) telah memanfaatkan ayat Al-Qur'an daripada surah Al-Najm (53:42-45) bagi menggambarkan penyerahan Furqan secara sepenuhnya kepada Allah dalam menentukan keputusan ujian darah yang bakal diketahuinya nanti. Beliau telah menuliskan "Kini tak ada yang boleh dilakukannya kecuali menangis memohon belas kasihNya, dan dengan segenap jiwa, ia pasrah dalam genggaman kekuasaanNya", jelas menunjukkan sikap Furqan yang berserah dan bergantung harap sepenuhnya pada Allah.

Secara keseluruhan pada pemanfaatan Al-Qur'an dalam novel ini, jelas Habiburrahman telah memanfaatkan ayat-ayat Al-Qur'an dalam bentuk terjemahan yang dipinjamkan ke dalam karya ini dengan nada positif iaitu menyesuaikan mengikut

rangka fiksyen dan tidak membawa kepada unsur-unsur merendah dan menyelewengkan Al-Qur'an. Melihat kepada aspek pemanfaatan Al-Qur'an yang pertama, terdapat dua ayat dalam karya ini dipinjamkan dalam bentuk Iqtibas dan kedua-duanya disesuaikan bagi memperindahkannya lagi struktur ayat dan gaya bahasa dalam karya ini. Merujuk kepada aspek pemanfaatan yang kedua pula, semua ayat Al-Qur'an yang dipinjamkan ke dalam karya tidak menunjukkan nada dan konotasi yang berbeza dengan babak-babak penceritaan dan kesemuanya menguatkan lagi jalan penceritaan sebagai bukti dan hujah terhadap perjalanan plot penceritaan dalam karya ini. Oleh yang demikian, Habiburrahman selaku pengarang secara jelas telah menjaga kemuliaan dan keagungan Al-Qur'an dalam karya beliau ini melalui proses peminjaman ayat-ayat Al-Qur'an yang dilakukan secara berhemah dan tidak membawa kepada merendah-rendah kalamullah. Ini menunjukkan pemanfaatan secara beretika telah dilakukan oleh beliau dan keimanan terhadap kitabullah jelas terpelihara.

Analisis Pemanfaatan Hadith Dalam Novel *Ketika Cinta Bertasbih*

Pada bahagian ini, analisis akan beralih kepada pemanfaatan yang dilakukan oleh Habiburrahman terhadap Hadith Rasulullah S.A.W. Secara asasnya, beriman kepada rasul adalah mencakupi kepada keyakinan menyeluruh dan mengamalkan terhadap apa yang dibawa oleh nabi dan rasul. Dalam kajian ini fokus diberikan kepada Nabi Muhammad S.A.W yang merupakan rasul terakhir utusan Allah dan penutup segala kenabian. Aspek penting yang diwarisi oleh baginda kepada kita sebagai umatnya ialah Hadith yang merupakan perkataan, perbuatan, ketetapan dan persetujuan dari baginda S.A.W dan menjadi sumber perundangan Islam yang terpenting selepas Al-Qur'an. Justeru itu, menjadi kewajipan kepada kita untuk menjaga dan memeliharanya daripada diseleweng oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Antara aspek yang perlu dipelihara dalam meliputi konteks pemanfaatan terhadap Hadith baginda ialah bagaimana Hadith itu disesuaikan mengikut rangka fiksyen dalam novel. Rangka fiksyen mestilah disesuaikan mengikut Hadith yang disebutkan dalam novel agar tidak timbul kekeliruan kepada khalayak dalam memahami perkaitan yang menghubungkan antara rangka dan Hadith serta relevan dengan maksud yang diberikan. Aspek pemanfaatan yang kedua dilihat dari segi ketelitian pengarang dalam memilih Hadith-Hadith baginda. Pemilihan Hadith yang bertaraf sahih menjamin ketulenan yang disampaikan terus dari Nabi Muhammad S.A.W melalui perawi-perawi yang meriwayatkan Hadith daripada baginda. Pemilihan

Hadith yang lemah dan palsu menggambarkan ketidak telitian pengarang dalam memanfaatkan Hadith baginda dan tidak menunjukkan permanfaatan yang beretika.

Dalam novel ini, Habiburrahman (2011:12) telah meletakkan satu Hadith pada babak ketika mana Azzam sedang berehat di anjung bilik hotelnya sambil melihat keindahan alam ciptaan Allah. Kutipan daripada teks seperti berikut :

Pemuda bernama Khairul Azzam itu masih menatap ke arah laut. Matahari masih satu jengkal di atas laut. Sebentar lagi matahari itu akan tenggelam. Warna kuning keemasan bersepuh kemerahan yang terpancar dari bola matahari menampilkan pemandangan yang sangat indah. Ia jadi teringat sabda Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam: “Sesungguhnya Allah itu indah dan mencintai keindahan”.

Melihat kepada petikan di atas, kita dapat melihat bagaimana Habiburrahman telah meletakkan Hadith ini pada rangka yang bersesuaian dalam novel iaitu pada aspek keindahan. Keindahan dalam petikan di atas dihubung kaitkan dengan kebesaran Allah dalam menjadikan alam semesta ini dengan lengkap, sempurna dan penuh dengan keindahan yang meliputi langit dan bumi. Pemanfaatan pengarang dalam meletakkan Hadith ini dalam rangka fiksyen seperti di atas amat relevan dengan maksud Hadith yang disampaikan oleh Rasulullah S.A.W. Dari aspek status Hadith ini pula, Hadith yang dipilih oleh Habiburrahman ini adalah diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam sahihnya dan berstatus sahih sepetimana Hadith yang lengkap seperti berikut :

عن عبد الله بن مسعود عن النبي صلى الله عليه وسلم قال : لا يدخل الجنة من كان في قلبه مثقال ذرة من كبر . قال رجل : إن الرجل يحب أن يكون ثوابه حسنة ونعلمه حسنة . قال : إن الله جليل يحب الحمال ، الكبير : بطر الحق وغمط الناس .¹

Maksudnya:

Dari Abdullah bin Mas'ud, dari Nabi S.A.W, beliau bersabda : “Tidak bakal masuk syurga orang yang di hatinya terdapat kesombongan meskipun hanya seberat zarah (atom)”. Sesorang berkata : “Ada orang yang ingin pakaiannya bagus dan kasutnya bagus”. Rasulullah S.A.W bersabda : “Sesungguhnya Allah itu Zat Yang Maha Indah, Dia menyukai keindahan sedangkan takabur ialah menolak kebenaran dan memandang rendah orang lain”.

Antara Hadith lain yang diletakkan oleh Habiburrahman adalah pada babak ketika mana Azzam

¹ Imam Muslim, *Sahih Muslim*, Kitab Iman, Bab Pengharaman Takabur dan Penjelasannya.

terkenang akan nasihat yang dilontarkan dalam khutbah Jumaat oleh seorang syeikh yang masih muda di Masjid Ar-Rahmah Masakin Uthman. Kutipan daripada teks seperti berikut :

“Kenapa Allah mengurniakan kepada kita dua tangan, dua kaki, dua mata, dua telinga, jutaan saraf otak, tapi hanya mengurniakan kepada kita satu mulut saja? Jawabnya, kerana Allah menginginkan agar kita lebih bekerja, lebih banyak beramal nyata daripada bicara. Maka ada ungkapan, *man katsura kalamuhu katsura khatauhu*. Siapa yang banyak bicaranya maka banyak dosanya! Dan kerananya Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam menasihati kita semua: ‘ Siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhir hendaklah berkata yang baik atau diam saja!’ Umat dan bangsa yang besar adalah umat dan bangsa yang lebih banyak kerjanya daripada bicaranya. Orang-orang besar sepanjang sejarah adalah mereka yang lebih banyak bekerja daripada bicara!” kata syeikh muda itu.

(Habiburrahman 2011:185)

Dalam petikan di atas, Habiburrahman telah meletakkan Hadith ini pada satu kerangka nasihat yang diberikan oleh seorang syeikh dalam khutbah jumaat yang disampaikannya. Nasihat yang diberikan berkaitan dengan pentingnya untuk melakukan kerja daripada banyak bercakap tentang perkara-perkara yang tidak mendatangkan kebaikan. Nasihat disampaikan dalam bentuk perbandingan yang cukup beerti dengan menyatakan kerelevenan Allah menganugerahkan kepada manusia satu mulut berbanding anggota badan lain yang berpasang-pasangan dan Habiburrahman memanfaatkan hadith baginda dengan baik bagi sandaran hujah kepada perlunya mengurangkan percakapan dan perbanyakkan kerja.

Berkenaan dengan status Hadith ini, ia diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim dan berstatus sahib sepertimana Hadith yang lengkap seperti berikut :

عن أبي هريرة قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم من كان يؤمن بالله واليوم الآخر فلا يؤذ جاره ومن كان يؤمن بالله واليوم الآخر فليكرم ضيفه ومن كان يؤمن بالله واليوم الآخر فليقل خيراً أو لصsst²

Maksudnya :

Dari Abu Hurairah r.a, dia berkata Rasulullah S.A.W bersabda : Barangsiapa beriman kepada Allah dan hari

akhir maka janganlah menyakiti tetangganya, dan barangsiapa beriman kepada Allah dan hari akhir hendaklah memuliakan tamunya, dan barangsiapa beriman kepada Allah dan hari akhir hendaklah mengatakan yang baik atau diam.

Antara pemanfaatan hadith Rasulullah S.A.W yang lain pada babak ketika mana Azzam selaku watak utama terkenangkang kembali saat dia mempelajari kemahiran membuat tempe dan memperolehi biasiswa melanjutkan pelajaran Al-Azhar. Kutipan daripada teks seperti berikut :

Silaturrahim jugalah yang membuat bisnes baksonya di Cairo berjalan lancar. Memang ia tidak banyak muncul di kalangan mahasiswa, tapi ia sering hadir dan muncul di dalam majlis bapak-bapak dan ibu-ibu KBRI. Muncul untuk memberikan bantuan apa saja. Bahkan jika ada orang KBRI pindah rumah, ia sering jadi sasaran minta tolong. Kerana itulah ia sangat dikenali di kalangan orang-orang KBRI. Itu sangat penting bagi bisnes baksonya.

Tanpa banyak silaturrahim, seseorang yang menjalankan perniagaan tidak akan banyak memiliki jalan dan peluang. Benarlah anjuran Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam *agar siapa saja yang ingin diluaskan rezekinya, hendaklah ia melakukan silaturrahim*.

(Habiburrahman 2011:194-195)

Hadith dalam petikan di atas dimanfaatkan oleh Habiburrahman untuk disesuaikan dalam rangka fiksyen bahawa Azzam memperolehi kesempatan untuk belajar membuat tempe dan memperolehi biasiswa ke Al-Azhar adalah keberkatan daripada menjalinkan hubungan silaturrahim. Ini kerana semasa Azzam belajar di pesantren, dia mempunyai seorang kenalan yang bernama Handono di mana ayahnya adalah seorang usahawan tempe di Candiwesi, Kota Salatiga. Apabila tibanya cuti panjang, dia selalu mengikut Handono untuk pulang ke rumah sahabatnya di Candiwesi. Sepanjang keberadaanya di sana, dia banyak mempelajari kemahiran dan teknik membuat tempe dengan betul daripada ayah Handono sehingga dia mahir membuat tempe sendiri.

Begitu juga keadaannya ketika mana dia mendapat biasiswa untuk melanjutkan pengajiannya di Universiti Al-Azhar. Dia mendapat maklumat mengenai tawaran biasiswa itu melalui Pak Dhofir yang ditemuinya ketika mana dia menghantar sahabat pesantrennya Wasis yang dikesan menghidap penyakit thypus ke rumah sakit. Pak Dhofir yang juga mengalami penyakit thypus memaklumkan kepada

² al-Bukhari, *Al-Jami' al-Sahih*, Kitab Adab, Bab Beriman kepada Allah dan Hari Akhir maka jangan menyakiti tetangganya.

Azzam bahawa akan ada ujian saringan bagi pelajar-pelajar Madrasah Aliyah untuk mendapatkan biasiswa melanjutkan pengajian ke Al-Azhar. Dan akhirnya dia terpilih untuk mendapatkan biasiswa pengajian ke gedung ilmu tertua di dunia itu. Keadaan yang sama apabila dia mengusahakan perniagaan tempe dan bakso di Mesir, Azzam sangat rapat dengan pegawai dan kakitangan di Kedutaan Besar Republik Indonesia. Maka tidak hairanlah jika tender jamuan untuk majlis kedutaan banyak diberikan kepadanya. Dia meyakini bahawa rezeki yang dilimpahi dan diperolehnya selama ini adalah berkat daripada hubungan silaturahim yang dijalankan.

Kesinambungan antara babak ini dengan Hadith yang dipautkan oleh pengarang ternyata mempunyai ikatan dari segi aliran cerita. Habiburrahman bijak memanfaatkan kronologi cerita di akhirnya dengan meletakkan sandaran hujah bagi menyokong kerelevan penceritaannya. Pada babak ini, Hadith yang berkaitan dengan pentingnya menghubungkan tali silaturahim dan persaudaraan menjadi hujah bagi Habiburrahman untuk menguatkan lagi mesej penceritaannya tentang pentingnya menjaga hubungan silaturahim sesama manusia. Jelas bahawa pemanfaatan dari segi maksud Hadith dengan aliran cerita sebelumnya berjaya dimanfaatkan oleh Habiburrahman dengan mesej yang tersendiri. Berkenaan dengan status Hadith ini, Hadith yang dipilih oleh pengarang diriwayatkan oleh Imam Muslim dan Hadith ini bertaraf saih. Hadith yang lengkap seperti di bawah :

آخرِي أنس بن مالك أَن رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَنْ أَحَبَّ أَنْ يَسْطِعَ لَهُ فِي رِزْقِهِ وَيَنْسَأَ لَهُ فِي أُثْرِهِ فَلِيَصُلِّ رَحْمَهُ.³

Maksudnya :

Dari Anas bin Malik, sesungguhnya Rasulullah S.A.W bersabda : Barangsiapa yang suka rezekinya dilapangkan dan usianya dipanjangkan, maka hendaklah dia menyambung kekeluargaan (silaturahim).

Secara keseluruhannya, pemanfaatan yang dilakukan oleh Habiburrahman terhadap setiap Hadith yang diambil adalah bersesuaian dengan rangka fiksyen yang ditonjolkan pada setiap babak. Ini bermakna tidak terdapat sebarang percanggahan dari segi maksud rangka fiksyen dengan Hadith yang dibawa oleh pengarang. Hadith yang dibawa adalah bersesuaian dan tepat dengan kerelevan penceritaan yang ingin ditonjolkan oleh Habiburrahman. Bagi

aspek kedua dari segi status Hadith yang dipinjamkan ke dalam karya ini, pengarang telah memanfaatkan pengambilan Hadith yang beretika iaitu meminjam ketiga-tiga Hadith yang dikemukakan pada sebelumnya dalam bahagian analisis pada kategori saih sahaja iaitu Hadith yang diriwayatkan oleh perawi-perawi yang adil dan dhobit, mempunyai sanad yang bersambung, tidak cacat dan tidak syaz. Jelasnya, Habiburrahman telah memanfaatkan Hadith secara beretika dengan meletakkannya dalam rangka yang tidak menyalahi dengan apa yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W dan bertepatan dengan konsep pada rukun iman yang ketiga iaitu beriman kepada Rasul.

Kesimpulan

Novel *Ketika Cinta Bertasbih* karya Habiburrahman El-Shirazy ini adalah merupakan sebuah karya yang sarat dengan fundamental Islami yang merangkumi akidah, syariat dan akhlak serta mengandungi nilai-nilai pengajaran yang baik dan boleh diambil iktibar daripadanya. Karya ini merupakan kesinambungan daripada beberapa buah tangan Habiburrahman yang terdahulu seperti novel *Ayat-Ayat Cinta* (2004), *Di Atas Sajadah Cinta* (2004), *Pudarnya Pesona Cleopatra* (2005) dan *Ketika Cinta Berbuah Surga* (2005). Karya ini juga diangkat dan diadaptasikan ke layar perak pada tahun 2009 dan 2010 untuk sambungan episod yang kedua dan menerima sambutan yang cukup menggalakkan daripada peminat filem di Indonesia khususnya yang menggemari filem yang berunsur Islam. Kandungan dan perincian novel ini yang sarat dengan fundamental Islami hasil garapan yang baik oleh pengarang menjadikannya sebagai sebuah karya yang menjadi perhatian oleh peminat dan penggemar novel yang berunsur Islam di pelusuk nusantara ini. Di samping itu juga, pemanfaatan beretika terhadap sumber tertinggi Islam iaitu Al-Qur'an dan Hadith oleh pengarang telah menambahkan lagi nilai prestij tersendiri terhadap kualiti novel ini untuk muncul model dan contoh sastera Islami yang terbaik di rantau nusantara ini.

Rujukan

- Al-Qur'an
Ali Ahmad, Siti Hajar Che Man & Jelani Harun. 2007. *Tasawwur Islam dalam Kesusastraan Melayu Tradisional*. Ulang Cetak. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
al-Bukhari, al-Imam Abi Abdillah Muhammad ibn Isma'il ibn Ibrahim. 2008. *Al Jami' al-Sahih*. Ulang Cetak. Jil.4. Jeddah: Dar Al-Minhaj.

³ Imam Muslim, Kitab Kebajikan, Hubungan Kekeluargaan dan Etika, Bab Silaturahim dan Larangan Memutuskannya.

- Habiburrahman El-Shirazy.2011.*Ketika Cinta Bertasbih (1)*. Ulang Cetak. Kuala Lumpur: Ar-Risalah Product Sdn. Bhd
- Kamus Dewan.2005. Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Manu Sikana.1983. *Sastera Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbitan Saujana (M) Sdn. Bhd.
- Muslim, al-Imam Abi Husayn. 2001. *Sahih Muslim*. Bayrut: Dar al-Kutub al 'Ilmiyyah.
- Shafie Abu Bakar. (1995). Takmilah: Teori Sastera Islam, S. Jaafar Husin (pnyt).*Nadwah Ketakwaan Melalui Kreativiti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad.1981. *Kesusasteraan dan Etika Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Zulkarnain Mohamed. 2010. Al-Qur'an, Ilmu, Disiplin Islami dan Sastera, Ungku Maimunah Mohd Tahir (pnyt). *Kedudukan Ilmu dalam Kesusasteraan Teori & Praktis*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkarnain Mohamed. 2011. Batasan berkarya menurut akidah Islamiah: kajian Awlad Haratina oleh Najib Mahfuz, Diwan oleh 'Abd Al Wahhab Al-Bayati dan "Langit Makin Mendung" oleh Kipandjikusmin. Tesis Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjung Malim.